



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

RUJUKAN SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/03/2022

BERTARIKH : 16 JANUARI 2022

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan yang berkaitan yang masih sah laku membuat Sebut Harga bagi kerja berikut :-

| KOD BIDANG BEKALAN/ PERKHIDMATAN | BUTIRAN SEBUTHARGA | TEMPOH PELAWAAN |
|--|---|--|
| 020601 DAN 010201 (BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA) | MEMBEKAL BEKALAN PEJABAT TAHUN 2022 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN. HARGA BORANG : RM 20.00 | TARIKH PELAWA : 16 JANUARI 2022 TARIKH TUTUP : 23 JANUARI 2022 MASA : 12.00 TENGAHARI |

1. Dokumen sebut harga boleh dibeli di **Kaunter Hasil** mulai **16 JANUARI 2022 hingga 23 JANUARI 2022** pada ketetapan masa **08.00 Pagi – 04.00 Petang (Ahad – Rabu)** dan **08.00 Pagi – 03.00 Petang (Khamis Sahaja)**. Bawa bersama salinan sijil SSM semasa membeli dokumen.
2. Penyebutharga juga boleh mendapatkan borang dengan membuat bayaran melalui bayaran/pindahan wang atas talian dan **mengisi borang permohonan dokumen sebut harga** seperti di **Lampiran 1**. Borang permohonan dokumen sebut harga yang lengkap di isi beserta bukti pembayaran (slip/resit) hendaklah dikemukakan kepada **Urusetia Sebut Harga melalui aplikasi WhatApps di talian 011-58923362**. Dokumen sebut harga akan segera dihantar secara 'softcopy' dan penyebutharga boleh memuat turun dan mencetak sendiri dokumen sebut harga tersebut. Bayaran/pindahan wang atas talian melalui akaun berikut :-
 - i. Penama Akaun : Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
 - No. Akaun : 02066011060236
 - Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
3. Penyebutharga boleh melihat terlebih dahulu dokumen sebut harga ini di laman sesawang rasmi **<http://www.mplbp.gov.my>**.
4. Tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Sebut Harga pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **TUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, 07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH D.A.** serta di hantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **23 JANUARI 2022**.

5. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini.
6. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutharga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
7. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
8. Penyebutharga hendaklah dalam apa jua keadaan sekalipun wajib mematuhi **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN)** yang berkuatkuasa ketika ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI.,BCK.)

b.p : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Tarikh : 16 Januari 2022



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUTHARGA SECARA PINDAHAN/BAYARAN
ATAS TALIAN

| | |
|---|---|
| Tajuk | Membekal Bekalan Pejabat Tahun 2022 Untuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Negeri Kedah Darul Aman. MPLBP/SBT/03/2022 |
| Nama Syarikat | |
| No. SSM Syarikat | |
| Alamat Syarikat | |
| Nama Pemilik Syarikat (Seperti Dalam Sijil Pendaftaran Syarikat) | |
| No. Kad Pengenalan | |
| No. Telefon (HP) | |
| Emel | |
| No. Resit/Slip Pembayaran (Reference ID) | |
| Jumlah Bayaran | RM 20.00 |
| Bayaran Melalui Bank | |

PENTING :

1. Borang Ini Hanya Untuk Diisi Bagi Pembayaran Pembelian Borang Sebutharga Secara Atas Talian Sahaja.
2. Bersama Borang Ini **WAJIB** Diisi Dan Sertakan Salinan Bukti Pembayaran (Slip/Resit) Pembayaran Yang Telah Dibuat.
3. Borang Yang Lengkap Diisi Hendaklah Segera Dikemukakan Kepada Urusetia Melalui Aplikasi Whatapps Di Talian **011-58923362**.
4. Talian Ini Hanya Aktif Dalam Tempoh Masa Dan Hari Bekerja Dan Selama Tempoh Sehingga Sebut Harga Ini Ditutup. Talian Ini Tidak Lagi Aktif Setelah Tempoh Tersebut Berakhir.

Tandatangan & Cop Syarikat :

Nama :

Tarikh :